

Kerajaan alu-alukan kajian paus terdampar di Sabah

4/B 10.08.2012 A5

Oleh **SURAIDAH ROSLAN**

hadieydhah18@yahoo.com

KOTA KINABALU: Kerajaan Negeri mengalu-alukan inisiatif oleh mana-mana institusi untuk mengkaji penyebab paus terdampar di perairan negeri ini.

Menyatakan demikian, Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Masidi Manjun berkata telah terdapat cadangan untuk mengkaji kejadian paus terdampar ini akan tetapi ia tidak mendapat maklum balas yang sewajarnya.

“Sekurang-kurangnya, kita boleh memastikan terdapat badan yang akan bertanggungjawab dalam memberi maklum balas kepada sebarang kejadian yang sama berlaku semula.

“Saya melihat ini dari segi

inisiatif saintifik, tetapi jika mereka mahukan bantuan daripada kerajaan terutamanya dari pihak muzium, kami lebih daripada gembira untuk membantu,” katanya kepada pemberita di majlis berbuka puasa anjuran kementeriannya di sini pada Rabu.

Institut Penyelidikan Marin Borneo (BMRI) baru-baru ini telah mengumumkan penubuhan gerak kerja dan pembangunan operasi standard manual untuk mengendalikan kes sebegini pada masa akan datang.

Pensyarah BMRI, Dr John Madin dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) berkata Sabah telah mencatatkan rekod tertinggi dalam kes paus terdampar berbanding negeri-negeri lain di Malaysia sejak tahun 1970an.